

# ***Mohd Sukki dilantik Mufti Pulau Pinang***

**Georgetown:** Profesor Madya di Unit Bahasa Arab, Jabatan Bahasa Asing Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Madya Dr Mohd Sukki Othman dilantik sebagai Mufti Pulau Pinang yang baharu.

Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang menerusi hantaran di Facebook mengumumkan pelantikan Mohd Sukki itu berkuat kuasa semalam bagi menggantikan

mufti sebelum ini, Datuk Seri Wan Salim Wan Mohd Noor.

Timbalan Ketua Menteri I Datuk Dr Mohamad Abdul Hamid turut mengucapkan tahniah atas pelantikan itu.

Mohamad berkata, Mohd Sukki merupakan Pensyarah Kanan dan Profesor Madya di UPM yang diluluskan secara pinjaman oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) kepada Kera-

jaan Negeri Pulau Pinang.

“Tahniah diucapkan atas pelantikan Prof Madya Dr Mohd Sukki Othman sebagai Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang baharu berkuat kuasa hari ini (semalam).

“Beliau merupakan anak jati Pulau Pinang dengan kelulusan dalam bidang Bahasa Arab dan syariah dari Universiti Yarmouk, Jordan; Sarjana Pengajian Islam Universiti Kebangsa-

an Malaysia (UKM) dan Doktor Falsafah dari Akademgi Pengajian Islam Universiti Malaya (UM).

“Berikutan pengalaman dan pengetahuannya yang luas, saya berharap mufti baharu ini dapat menjalankan amanah dengan cemerlang dalam memimpin dan mentadbir Jabatan Mufti Negeri dan Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang,” katanya ketika dihubungi di sini.